

The Royal Press mungkin tidak membawa apa-apa maksud kepada generasi muda kini, namun syarikat itu sebenarnya banyak berjasa menyediakan khidmat pencetakan *letterpress* seawal tahun 1900 di negeri ini.

Letterpress merujuk kepada teknik mencetak menggunakan blok karakter yang disusun dan disapukan pada permukaannya, seterusnya ditekap pada kertas.

Kini dikenali sebagai Muzium The Royal Press yang terletak di No 29, Jalan Hang Jebat (berhampiran pasar malam Jonker Street), di sini. Apa yang lebih membanggakan ia adalah antara Muzium Percetakan *Letterpress* Polyglot (pelbagai bahasa) yang tertua di dunia dan satu-satunya yang ada di Malaysia.

Selain masih menyimpan baik beberapa blok karakter pelbagai bahasa antaranya Roman (Melayu dan Inggeris), Arab, Cina dan Tamil, ada mesin cetak pelbagai versi dibeli serta digunakan sejak zaman pramerdeka Tanah Melayu yang boleh didapati di muzium ini.

Mengimbau sejarah, nama The Royal Press diambil daripada peribahasa Cina (Luo Yang Zhi Gui) yang bermaksud, 'kertas di Luo Yang mahal sekali'. (Luo



MUHAMMAD Al-Amin menyusun blok huruf cetakan di sebuah bilik kompos di galeri The Royal Press.



Setiap hasil cetakan tidak sama dan ada identiti tersendiri kerana ada beza tebal dan nipis pada huruf dicetak"

Muhammad Al-Amin

"Disebabkan itu setiap hasil cetakan tidak sama dan ada identiti tersendiri kerana ada beza tebal dan nipis pada huruf dicetak. Kita boleh tahu dengan cara menyentuh dengan jari atau melihat kertas pada aras mata," katanya.


Mengakui seni cetakan *letterpress* semakin dilupakan dengan kewujudan pelbagai mesin dan teknik cetakan moden, Muhammad Al-Amin menyifatkan melupakan seni yang dianggap sebagai kraf warisan ini adalah sesuatu yang menyedihkan.

Bukan sahaja fungsi mesin itu akan 'mati' begitu sahaja, malahan pakar dan pekerja mahir mengendalikan mesin serta teknik cetakan itu sejak bergenerasi lamanya semakin pupus seiring peredaran zaman.

Untuk mengelak keadaan itu berlaku, generasi ketiga The Royal Press iaitu Ketua Pegawai Eksekutifnya Ee Soon Wei giat memulihara warisan keluarganya dengan memastikan mesin, bahan mencetak dan mu-

Muzium 'mesin masa' era 1900-an

Simpan rapi sejarah syarikat The Royal Press selama 7 dekad



BAHAN cetakan dalam tulisan Jawi yang dihasilkan menggunakan teknik *letterpress*.

tak di muzium itu berfungsi dengan baik termasuk mesin Glockner-Mercedes bertarikh 1956.

"Paling utama mesin Linotype Model 78 dibuat pada 1961 iaitu mesin cetak menghasilkan acuan huruf dalam satu baris menggunakan cecair aloi.

"Ia diperbuat di England, diimport sekitar 1960-an dan melaluinya, industri pencetakan mengalami perubahan ketara daripada aspek kepantasan. Malah, perkataan *line-o-type* diambil daripada fungsi mesin ini

takan *letterpress* turut menyaksikan The Royal Press mewujudkan sebuah 'perpustakaan' atau bilik kompos bagi memudahkan petugas ketika itu mencari huruf pada blok cetakan memandangkan ada lebih 150,000 blok acuan metal terdiri daripada empat karakter tulisan bahasa Roman, Arab, Cina dan Tamil.

"Jadi bayangkan betapa cekapnya pekerja ketika itu. Bukan saja perlu tahu kedudukan blok perkataan, tetapi perlu ada mata yang tajam untuk membaca tu-

Yang sebelum ini pernah dijadikan ibu negara China sebelum Beijing). Sebutan 'Luo Yang' hampir sama dengan Royal.

The Royal Press bermula sebagai syarikat percetakan pada 1938 apabila bapa kepada pengasas syarikat berkenaan Ee Joo Guat iaitu mendiang Ee Lay Swee membeli mesin cetak model 'Hand-Fed Jobbing Platen Press.

Menurut pengurus dan pemandu pelancong Muzium The Royal Press, Muhammad Al-Amin Mohd Fadel, mesin cetak terus ditambah dari semasa ke semasa dan ada catatan merekodkan terdapat mesin beli sekitar 1940-an dan 1950-an.

"Ketika itu, tiada syarikat percetakan di Melaka yang mempunyai mesin seperti di The Royal Press.

"Memandangkan teknik pencetakan teliti dan pantas menghasilkan produk berkualiti, permintaan ketika itu tinggi, dengan harga bermula sekitar satu sen bagi cetakan surat khabar pada tahun sebelum 1957," katanya.

"Syarikat The Royal Press



ANTARA blok cetakan yang masih dijaga rapi.

bagaimanapun terpaksa menamatkan operasi pada 2010.

"Bayangkan, daripada ada 50 pekerja pada satu masa, akhirnya hanya lima yang kekal sebelum berhenti sepenuhnya pada hujung 2009," katanya.

Selama tujuh dekad beroperasi sejak 1938 hingga 2010, pelbagai bahan cetakan dihasilkan menerusi teknik *letterpress* termasuk buku sekolah, dokumen kerajaan, surat khabar, label pada botol, kalendar serta tiket bas dan wayang.

Pada 2013 hingga 2015, The Royal Press dikenali sebagai The Royal Press Living Museum (muzium hi-

dup-masih menjalankan fungsi asalnya dan memberi pengalaman kepada pengunjung untuk melihat sendiri proses pencetakan dilakukan) dan kemudian dijadikan muzium sejak 2019.

Kebanyakan mesin ce-

yang menghasilkan keseluruhan baris jenis logam yang kemudian menjadi acuan berbentuk huruf dalam satu baris," jelas Muhammad Al-Amin.

Era kegemilangan pence-

lisan pada blok itu.

"Ini kerana terdapat pelbagai saiz disebut *point* dan *font* mengikut karakter bahasa dimahukan pelanggan. Dalam simpanan kami, *point* paling kecil adalah enam manakala 72 *point* paling besar," jelasnya.

Beliau menambah, setiap laras ketebalan hasil cetakan yang timbul adalah *signature* tersendiri yang dihasilkan oleh setiap petu-

gium berada dalam keadaan terbaik untuk generasi hari ini.

"Cabaran utama mendapatkan alat ganti jika ada mana-mana bahagian rosak memandangkan mesin ini sudah tidak ada lagi pengeluarannya," katanya.

Menurut beliau, pihaknya mahu warisan itu terus diingat kerana tanpa tindakan sewajarnya seperti menjadikannya sebagai muzium, generasi muda tidak akan mengenali mesin yang pernah mencetak pelbagai bahan, yang ada antaranya sebahagian daripada sejarah negara. - Bernama



MUHAMMAD Al-Amin memberi penerangan mengenai fungsi mesin Linotype model 78.